

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
PEJABAT BENDAHARI**

UTHM.PB/100-6/4/1 Jld 3 (27)

10 September 2023

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 6/2023

Semua Pengurus Bahagian
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

YBhg. Prof. / Tuan / Puan,

**PANDUAN PENUTUPAN AKAUN DI PUSAT TANGGUNGJAWAB BAGI
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBWER 2023**

1.0 TUJUAN

Tujuan pekeliling ini adalah untuk menerangkan kepada semua Pengurus Bahagian mengenai Panduan Penutupan Akaun di Pusat Tanggungjawab Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023 sebagaimana keperluan Surat Pekeliling Am Jabatan Perdana Menteri (JPM) Bil. 1 Tahun 1995 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4/2007 yang mengkehendaki Penyata Kewangan Universiti ditutup pada 31 Disember setiap tahun untuk dilaporkan kepada Kabinet.

**2.0 TARIKH AKHIR MENGEUKAKAN TUNTUTAN PEMBAYARAN BAGI
TAHUN 2023**

2.1 Semua Pengurus Bahagian yang mengawal peruntukan adalah diingatkan supaya mengemukakan tuntutan pembayaran ke Pejabat Bendahari seperti mana berikut:-

2.1.1 Pembayaran Tuntutan dan Pendahuluan

- i. Semua staf dan individu luar hendaklah mengemukakan tuntutan perjalanan dan tuntutan-tuntutan lain termasuk

tuntutan pendahuluan diri bagi bulan **November 2023** ke Pejabat Bendahari selewat-lewatnya pada **10 Disember 2023 (Ahad)**.

- ii. Pegawai yang menguruskan program hendaklah memastikan laporan kewangan bagi pendahuluan aktiviti / program dikemukakan ke Pejabat Bendahari selewat-lewatnya pada **10 Disember 2023 (Ahad)**.
- iii. Bagi perjalanan ke luar negara untuk bulan Disember 2023, tuntutan yang lengkap dan disahkan hendaklah dikemukakan ke Pejabat Bendahari selewat-lewatnya pada **2 Januari 2024 (Selasa)** untuk tujuan pembayaran. Mana-mana tuntutan yang lewat atau tidak dihantar ke Pejabat Bendahari dalam tempoh ditetapkan tidak akan dipertimbangkan untuk dibayar.
- iv. Bagi program atau pendahuluan diri yang dilaksanakan pada bulan Disember 2023, laporan dan tuntutan yang lengkap dan disahkan hendaklah dikemukakan ke Pejabat Bendahari selewat-lewatnya pada **2 Januari 2024 (Selasa)** untuk tujuan pembayaran.
- v. Permohonan pendahuluan diri staf, pendahuluan aktiviti pelajar dan pendahuluan aktiviti Universiti yang akan dilaksanakan pada awal tahun 2024 hendaklah dikemukakan ke Pejabat Bendahari selewat-lewatnya pada **21 Disember 2023 (Khamis)**. Permohonan pendahuluan selepas tarikh tersebut tidak akan diproses.

2.1.2 Pembayaran Pembekal

- i. Bahagian Kewangan PTj hendaklah menghantar dokumen pembayaran yang lengkap dan disahkan serta diluluskan (*Approved Invoice*) dalam sistem SAGA ke Pejabat Bendahari selewat-lewatnya pada **21 Disember 2023 (Khamis)**.
- ii. Bagi perolehan melibatkan pembelian **aset** yang telah disempurnakan pembekalan di antara **21 hingga 31 Disember 2023**, dokumen pembayaran yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Pejabat Bendahari selewat-lewatnya pada **2 Januari 2024 (Selasa)**.

- iii. Kerja dan perkhidmatan bagi bulan Disember 2023 hendaklah disempurnakan dan dituntut sehingga **15 Disember 2023**. Kerja dan perkhidmatan bagi tempoh **16 hingga 31 Disember 2023** hendaklah dituntut pada bulan **Januari 2024**.
 - iv. Bagi kerja dan perkhidmatan yang dilaksanakan selepas tarikh akhir penghantaran dokumen kewangan ke Pejabat Bendahari (21 Disember 2023) perlu dikemukakan ke Pejabat Bendahari selewatnya dituntut pada **2 Januari 2024 (Selasa)**.
- 2.1.3 **Pembayaran Gaji Sambilan dan Tuntutan Elaun Lebih Masa**
- i. Dokumen pembayaran gaji staf sambilan, pembantu penyelidik (RA) dan skim pelajar bekerja (SPB) bagi bulan Disember 2023 hendaklah dikemukakan ke Pejabat Bendahari selewat-lewatnya pada **1 Januari 2024 (Isnin)**.
 - ii. Dokumen tuntutan elaun lebih masa bagi bulan November 2023 hendaklah dikemukakan ke Pejabat Bendahari selewat-lewatnya pada **4 Disember 2023 (Isnin)** bagi membolehkan ianya dibayar bersama dengan gaji bulan Disember 2023.
- 2.2 Pelarasian bagi kesilapan kod akaun perlu dikemukakan ke Pejabat Bendahari selewat-lewatnya pada **2 Januari 2024 (Selasa)** untuk diselaraskan.

3.0 REKUPMEN WANG PANJAR UNTUK PERBELANJAAN TAHUN 2023

- 3.1 Rekupmen wang panjar bagi tahun 2023 hendaklah dikemukakan seperti berikut :-
- 3.1.1 Semua pemegang panjar wang runcit / khairat / khas adalah dikehendaki memulangkan baki panjar ke **Unit Akaun dan Sistem, Pejabat Bendahari** selewat-lewatnya pada **14 Disember 2023 (Khamis)** bersama-sama dengan:-
- i. BEN/UA/010 – Perakuan Wang Panjar;
 - ii. BEN/UA/011 – Rekupmen Wang Panjar;

- iii. Keratan Buku Panjar; dan
 - iv. Bil-bil atau resit tuntutan yang disahkan.
 - 3.1.2 Baki wang panjar mestilah dihantar secara **serahan tangan** dan menurunkan tandatangan di borang yang disediakan. Pejabat Bendahari tidak akan bertanggungjawab terhadap kehilangan panjar yang dihantar secara pos atau tiada bukti penerimaan oleh pegawai yang diberi kuasa di Pejabat Bendahari.
 - 3.1.3 Perbelanjaan menggunakan wang panjar dari **15 hingga 31 Disember 2023** adalah tidak dibenarkan.
 - 3.1.4 Borang Perakuan dan Borang Rekupmen Wang Panjar mestilah ditandatangani oleh Pengurus Bahagian dan Pemegang Panjar dengan mencatatkan nama penuh penandatangan serta cop rasmi Pejabat (*Borang BEN/UA/010 dan BEN/UA/011 boleh dimuat turun dari laman web Pejabat Bendahari*).
 - 3.1.5 Perakuan Wang Panjar masih perlu dihantar ke Pejabat Bendahari walaupun tiada rekupmen dibuat.
 - 3.1.6 Kelewatan mengembalikan baki panjar serta Perakuan Wang Panjar akan mengakibatkan peruntukan panjar ditarik balik daripada PTj masing-masing.
 - 3.1.7 Semua bil dan resit pembekal bagi perbelanjaan dari wang panjar yang tidak mengikut peraturan seperti yang digariskan dalam Surat Pekeliling Bendahari Bil. 3/2004 dan lewat dikemukakan ke Pejabat Bendahari daripada tarikh yang telah ditetapkan tidak akan diproses dan perlu ditanggung oleh staf yang bertanggungjawab ke atas kelewatan tersebut.
- 3.2 Rekupmen panjar pemandu bagi tahun 2023 hendaklah dikemukakan seperti berikut :-
- 3.2.1 Pemegang panjar pemandu adalah dikehendaki memulangkan baki panjar ke **Unit Akaun dan Sistem, Pejabat Bendahari** secara **serahan tangan selewat-lewatnya pada 21 Disember 2023 (Khamis)** bersama-sama dengan:-
 - i. BEN/UA/010 – Perakuan Wang Panjar;

- ii. Keratan Buku Panjar; dan
 - iii. Borang Permohonan Panjar Pemandu (Pendahuluan Diri Perjalanan).
- 3.2.2 Baki wang panjar mestilah dihantar secara **serahan tangan** dan menurunkan tandatangan di borang yang disediakan. Pejabat Bendahari tidak akan bertanggungjawab terhadap kehilangan panjar yang dihantar secara pos atau tiada bukti penerimaan oleh pegawai yang diberi kuasa di Pejabat Bendahari.

4.0 KUTIPAN HASIL OLEH PTJ

Bagi pengeluaran bil tuntutan / invois berkenaan penggunaan kemudahan / peralatan / perkhidmatan atau lain-lain yang dilaksanakan pada atau sebelum 31 Disember 2023, maklumat tuntutan hendaklah dikemukakan ke Pejabat Bendahari selewat-lewatnya pada **2 Januari 2024 (Selasa)**.

5.0 PEROLEHAN MELALUI PESANAN TEMPATAN / INDEN / KONTRAK

- 5.1 Tarikh akhir pengeluaran Pesanan Tempatan atau Inden Kerja adalah pada **15 November 2023 (Rabu)**. PTJ hendaklah memastikan bekalan / perkhidmatan / kerja tersebut dapat disempurnakan pada atau sebelum **14 Disember 2023 (Khamis)**.
- 5.2 Pengecualian hanya diberikan untuk pengeluaran Pesanan Tempatan bagi tujuan bengkel, jamuan dan aktiviti pelajar sahaja sehingga **19 Disember 2023 (Selasa)**.
- 5.3 PTJ perlu memastikan semua tanggungan bagi bekalan, perkhidmatan dan kerja yang telah tamat tempoh bekalan dan telah tamat tempoh lanjutan perlu dikemukakan dokumen pembayaran ke Pejabat Bendahari selewat-lewatnya pada **21 Disember 2023 (Khamis)**.

6.0 PENGEMASKINIAN BUKU VOT

- 6.1 Bahagian Kewangan PTJ hendaklah memastikan buku vot bagi semua kumpulan wang dikemaskini dan penyesuaian buku vot perlu dibuat antara transaksi dalam buku vot manual dengan laporan buku vot dalam Sistem SAGA.

- 6.2 Buku vot dan laporan penyesuaian bagi perbelanjaan mengurus serta akaun amanah dan tabung yang telah ditandatangani oleh Pengurus Bahagian hendaklah dihantar ke **Unit Bajet, Pejabat Bendahari** selewat-lewatnya pada **15 Januari 2024 (Isnin)** untuk semakan dan pengauditan oleh Jabatan Audit Negara.

7.0 PENGURUSAN ASET DI PTj

- 7.1 Senarai aset yang dibeli menggunakan peruntukan tabung perlu dikemukakan ke Pejabat Bendahari selewatnya pada **21 Disember 2023 (Khamis)**.
- 7.2 Senarai Daftar Harta Modal (KEW.PA-4) dan senarai Daftar Inventori (KEW.PA-5) sehingga 31 Disember 2023 hendaklah dikemaskini dan dicetak. Senarai ini perlu disahkan oleh Pengurus Bahagian dan dikemukakan ke **Unit Pengurusan Aset dan Stor Pusat, Pejabat Bendahari** selewat-lewatnya **4 Januari 2024 (Khamis)**.
- 7.3 PTj dikehendaki menghantar Senarai Aset Yang Perlu Disenggara (KEW.PA-13) untuk tahun 2024 selewat-lewatnya pada **4 Januari 2024 (Khamis)**.
- 7.4 Bagi **pembelian aset** yang telah disempurnakan pembekalannya, pengemaskinian di dalam sistem FAMS hendaklah dilaksanakan sebelum dokumen pembayaran yang lengkap dikemukakan ke Pejabat Bendahari seperti yang dinyatakan di **perenggan 2.1.2 (ii)**.

8.0 PENGURUSAN STOR PUSAT PEJABAT BENDAHARI DAN STOR DI PTj

8.1 Pengurusan Stor Pusat

- 8.1.1 Tarikh akhir pengambilan barang di Stor Pusat Pejabat Bendahari oleh PTj adalah pada **14 Disember 2023 (Khamis)**. Semua PTj adalah diminta membuat perancangan yang sewajarnya.
- 8.1.2 Stor Pusat Pejabat Bendahari akan ditutup mulai **17 hingga 31 Disember 2023** untuk tujuan pengiraan stok dan akan beroperasi semula seperti biasa bermula **1 Januari 2024 (Isnin)**.

8.2 Pengurusan Stor di PTj

- 8.2.1 Stor PTj adalah merangkumi semua Stor Pusat dan Stor Kecil di PTj Stor Pusat di PTj adalah seperti Stor Perabot, Stor Toner Mesin Pencetak dan Stor Ubatan. Stor Kecil di PTj pula adalah seperti Stor Kecil Alat Tulis dan Stor Kecil Bahan Guna Habis.
- 8.2.2 Pengiraan stok di Stor PTj hendaklah dilakukan oleh pegawai yang tidak terlibat dengan pengurusan stor. Pegawai yang terlibat hendaklah dilantik secara rasmi oleh Pengurus Bahagian.
- 8.2.3 Semua PTj hendaklah membuat pengiraan stok di Stor PTj selewat-lewatnya pada **31 Disember 2023 (Ahad)** dan mengemukakan senarai laporan pemeriksaan / verifikasi stor (KEW.PS-14) yang telah disahkan oleh Pengurus Bahagian ke Pejabat Bendahari selewat-lewatnya pada **4 Januari 2024 (Khamis)**. PTj yang gagal mengemukakan laporan pengiraan stok di Stor Kecil Alatulis PTj tidak akan dibenarkan untuk mengambil stok dari Stor Pusat Alatulis Pejabat Bendahari sehingga laporan dikemukakan.

9.0 TANGGUNGJAWAB BAHAGIAN KEWANGAN PTj

Semua pegawai yang diberi kuasa kewangan di PTj masing-masing hendaklah memastikan perkara-perkara berikut:-

- 9.1 Membuat susulan dengan semua staf di PTj masing-masing untuk mengemukakan tuntutan perjalanan tahun 2023 bagi tempoh yang dibenarkan.
- 9.2 Membuat susulan ke atas mana-mana pegawai yang telah mendapat pendahuluan diri atau pendahuluan pelbagai untuk membuat tuntutan atau melengkapkan laporan kewangan supaya perbelanjaan dapat di caj ke vot berkenaan.
- 9.3 Membuat semakan ke atas baki tanggungan di dalam sistem dan membuat tindakan susulan ke atas pembekal bagi memastikan bekalan / perkhidmatan / kerja dapat disempurnakan mengikut tempoh akhir bekal dalam Pesanan Tempatan atau Inden.


- 9.4 Memastikan tanggungan yang telah tamat tempoh bekalan / perkhidmatan / kerja dan telah disempurnakan untuk disegerakan proses pembayaran sepetimana yang dinyatakan di atas.
- 9.5 Memastikan semua aset di PTj yang telah didaftarkan ditampal barkod bagi memudahkan pengesanan dan kawalan aset.
- 9.6 Memastikan semua aset yang telah disempurnakan pembekalannya diuruskan pembayaran pada tahun 2023.

Semua Pegawai adalah diingatkan untuk mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya terhadap perkara-perkara yang berkaitan. Sehubungan dengan itu kerjasama dan perhatian YBhg. Prof. / Tuan / Puan adalah sangat diharapkan supaya dapat mematuhi tarikh-tarikh yang ditetapkan bagi memastikan proses penutupan akaun Universiti berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”
“MALAYSIA MADANI”

Yang benar,



NORZAIMI BIN HAMISAN

Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
☎ 07-453 7050

- s.k. - YBhg. Naib Canselor
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- YBhg. Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh
- Ketua Audit Dalam